

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5



TEMA 7: KELESTARIAN ALAM
UNIT 22: EKONOMI DINAMIK
SP: 2.1.1

Tajuk: Pembelian Tanpa Tunai



Arahan: Rujuk buku teks halaman 169. Seret maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons dalam ruangan di bawah berdasarkan perbualan keluarga Farisha.

Farisha menonton berita tentang pembelian tanpa tunai dalam televisyen.



Cuba Farisha imbau kembali, kita sekeluarga telah ke Bazar Ramadan Kampung Baru pada bulan puasa yang lepas.

Semasa di sana, kebanyakan peniaga menawarkan kemudahan e-dompet kepada para pengunjung. Kaedah ini menjadikan bazar itu sebagai bazar tanpa tunai pertama di negara ini.



Bazar itu mempunyai keunikan tersendiri. Kedudukannya di bandar mampu menarik minat pengunjung membuat transaksi bayaran menggunakan e-dompet.

Kita hanya perlu memuat turun aplikasi e-dompet dalam telefon pintar. Kemudian, kita menambah amaun nilai yang kita perlukan. Setelah memilih barangan, kita hanya perlu melakukan imbasan kod QR untuk membuat pembelian.

Keselamatan e-dompet ini berada pada tahap yang baik kerana setiap transaksi memerlukan pengesahan nombor pin. Pengguna tidak perlu membawa wang tunai untuk berbelanja.

Kita dapat membeli-belah dengan mudahnya tanpa risiko kehilangan wang tunai.

Kebanyakan peniaga menawarkan kemudahan e-dompet kepada para pengunjung.

Pengguna tidak perlu membawa wang tunai semasa membeli-belah.

Maklumat tersurat	Maklumat tersirat	respons

